



PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
YANG KEENAM BELAS
[22,23,24 DAN 25 MEI 2023]**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
UNTUK SOALAN LISAN
SOALAN DAN JAWAPAN
NO. 2**

**23 MEI 2023
(SELASA)**

**OLEH
YANG BERHORMAT DATUK ELLRON ANGIN
MENTERI BELIA DAN SUKAN SABAH**

SOALAN 2

YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin] bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN:-**

adakah kementerian mempunyai peruntukan khas untuk menaik taraf kemudahan sukan seperti padang bola dan dewan; dan

Apakah program pembangunan sukan kepada belia-belia khususnya di bahagian pedalaman.

JAWAPAN 2 (a)

Datuk Speaker,

Izinkan saya untuk menjawab soalan No. 2 (a) daripada Ahli Yang Berhormat N.35 [SINDUMIN] dan No. 13 daripada Ahli Yang Berhormat N.41 [LIAWAN] secara serentak memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan. Kementerian saya sememangnya mempunyai peruntukan setiap tahun untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di Sabah iaitu di bawah kod **perbelanjaan Perbekalan (Supply)** dan **Pembangunan (Development)**.

Sebahagian besar daripada **Peruntukan Perbekalan** tersebut digunakan untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di kompleks-kompleks sukan dan arena-arena belia. Ini adalah kerana setiap kemudahan sukan tersebut memerlukan penyelenggaraan dan naik taraf dari masa ke masa bagi memastikan kemudahan-kemudahan ini sentiasa dapat digunakan dengan selamat serta memenuhi kehendak pengguna dan penyewa.

Walau bagaimanapun masih lagi terdapat banyak kemudahan sukan ini yang belum dapat diselenggara atau dinaik taraf kerana kos untuk menyelenggara kemudahan-kemudahan sukan di kompleks-kompleks sukan dan arena belia memerlukan bajet yang tinggi setiap tahun. Justeru, Kementerian saya telah merancang secara berjadual untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan tersebut dalam tempoh 10 tahun mulai tahun 2021 dengan mengambil kira jumlah peruntukan tahunan Kementerian.

Manakala di bawah **Peruntukan Pembangunan** pula, Kementerian saya mempunyai peruntukan untuk naik taraf padang luar bandar dan gelanggang serbaguna terbuka di bawah program Transformasi Luar Bandar. Walau bagaimanapun di bawah program ini, Kementerian saya hanya dapat menyasarkan untuk menaik taraf tidak lebih daripada empat (4) padang bola sepak dan 25 gelanggang serbaguna setiap tahun berdasarkan kepada jumlah peruntukan semasa Kementerian saya.

Datuk Speaker,

Kementerian saya maklum dengan keperluan padang-padang bola sepak dan kemudahan-kemudahan sukan lain di seluruh Sabah termasuk di kawasan-kawasan pedalaman. Justeru, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan kajian mengenai keperluan kemudahan-kemudahan ini sebagai justifikasi dalam permohonan peruntukan tahunan mahupun peruntukan-peruntukan tambahan setiap tahun. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana sentiasa

memberi sokongan dan bantuan dalam memastikan pembangunan sukan di negeri ini sentiasa meningkat dari masa ke masa.

Saya dan beberapa pegawai Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan mengemukakan permohonan kepada YB Menteri Belia dan Sukan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri membangunkan prasarana-prasarana sukan di Sabah termasuk pembinaan padang-padang bola sepak dan gelanggang-gelanggang sukan untuk komuniti setempat. Kita berharap agar Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan akan memberi respon yang positif dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Kementerian saya.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mempunyai peruntukan untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di Sabah. Pihak berkuasa tempatan dan kelab-kelab boleh memohon peruntukan tersebut melalui Jabatan Belia dan Sukan (P) Sabah.

Datuk Speaker,

Kementerian saya telah menyediakan **Pelan Strategik Pembangunan Sabah 2021-2030**. Dalam Pelan Strategik ini, telah difokuskan tiga (3) teras Sukan Utama iaitu:

Teras Utama 1: Sukan Prestasi Tinggi (SPT)

Teras Utama 2: Industri Sukan (IS)

Teras Utama 3: Sukan Massa (SM)

Untuk memastikan ketiga-tiga teras dapat dicapai, maka Kementerian saya melaksanakan **dua belas (12) program utama** iaitu:

Program Pengenalpastian Bakat (*Talent Identification*)

Program Kementerian melalui Majlis Sukan Negeri dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri. Program ini menyasarkan pelajar berumur seawal 5 tahun sehingga 15 tahun mengikut jenis sukan. Program dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Peserta setiap program diantara 20-50 orang mengikut jenis sukan. Jurulatih akan membuat penilaian semua peserta dalam tempoh 6 bulan sebelum dimasukkan ke dalam **Program Pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri Sabah.**

Klinik Sukan

Dalam program ini, jurulatih MSN Sabah akan menerangkan secara spesifik seperti peraturan pertandingan, peralatan yang digunakan, kejohanan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan sukan tertentu. Program ini akan dijalankan di pusat-pusat latihan di daerah, sekolah-sekolah, kompleks-kompleks sukan dan premis persendirian.

Latihan Pusat

Program Latihan dijalankan secara sepenuh masa dalam tempoh 7-14 hari yang mana sesi latihan akan diadakan 2-3 sesi setiap hari. Latihan Pusat ini diadakan di seluruh Negeri Sabah mengikut

keperluan sukan. Sebagai contoh Kompleks Sukan Ranau (***High Altitude Training***).

Penyertaan Kejohanan

Pendedahan kepada atlet di dalam Program Pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri menyertai kejohanan-kejohanan seperti Sukan Sabah (SAGA), Sukan Malaysia (SUKMA), Kejohanan Remaja Kebangsaan dan Kejohanan Kebangsaan / Terbuka.

Penganjuran Mini Kejohanan

Bagi memastikan atlet di dalam **Program Pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri Sabah** mempunyai daya saing, Kementerian melalui MSN dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri (PSN) melaksanakan penganjuran mini kejohanan. Diadakan bertujuan bagi menilai prestasi semasa atlet di dalam program. Ini juga merupakan medan kepada jurulatih mengenalpasti kelemahan-kelemahan atlet untuk diperbaiki melalui analisis prestasi.

Pemberian Subsidi

Geran ini diberikan bagi membantu PSN melaksanakan program seperti Penyertaan Kejohanan, Penganjuran Kejohanan, Penganjuran Kursus Teknikal/Pengadil dan penganjuran program pembangunan sukan di daerah. Bantuan Geran Subsidi tahunan diberikan kepada **54 Persatuan Sukan Negeri (PSN)** yang berdaftar di Majlis Sukan Negeri Sabah.

Memberi Perkhidmatan Sains Sukan

Kementerian saya melalui MSN Sabah telah menubuhkan Unit Sains Sukan bagi membantu jurulatih dan atlet dalam memberikan perkhidmatan seperti Suaian Fizikal, Psikologi, Pemakanan Sukan dan Pemulihan.

Pegawai Pembangunan Sukan

Kementerian melalui MSN Sabah telah melantik 12 orang Pegawai Pembangunan Sukan (SDO) terdiri daripada bekas atlet Negeri dan Kebangsaan. Pegawai Pembangunan Sukan ini akan bekerjasama dengan jurulatih dan Persatuan Sukan Negeri (PSN) dalam membangunkan sukan di seluruh daerah.

Majlis Sukan Negeri Sabah juga telah melantik 40 orang jurulatih terdiri daripada:

3 orang Jurulatih Luar Negara (JLN),

26 orang Jurulatih Penuh Masa (JPM) dan;

9 orang Jurulatih Sambilan (JSM).

(Rujuk Lampiran B: Senarai Pegawai Pembangunan Negeri (SDO) dan Laporan Bulanan Jurulatih)

Penyediaan Infrastruktur Sukan

Kementerian sentiasa merancang untuk pembinaan Kompleks Sukan baharu di Sabah bagi membolehkan masyarakat terutamanya belia-belia di luar bandar dapat mengakses

kemudahan-kemudahan sukan dengan mudah untuk melakukan kegiatan-kegiatan sukan serta dapat menghidupkan semula budaya kesukanan dalam jiwa mereka.

Program AKTIF

Program Budaya Bersukan Teras Aspirasi Famili Sihat adalah program dan aktiviti sukan yang memfokuskan pembudayaan sukan massa dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti dengan berkonsepkan “***Budaya Bersukan, Teras Aspirasi Famili Sihat***”. Program ini tidak melibatkan pertandingan dan implikasi kewangan yang tinggi tetapi mampu memberikan impak yang positif kepada masyarakat khususnya di peringkat akar umbi. Program AKTIF telah dilancarkan bermula di Daerah Kota Belud pada 11 Mac 2023 yang lalu diikuti daerah Nabawan, Keningau, Beaufort dan Kepayan pada 29 April yang lalu.

Program ini akan berterusan sebagai tanda sokongan Kementerian kepada program pembangunan sukan di seluruh Sabah demi untuk kesihatan masyarakat.

Program JUARA

Program meliputi aktiviti sukan yang berkonsepkan pertandingan dengan memfokuskan **Sukan Berprestasi Tinggi** dan *Talent Identification & Development* (TID) atau pencarian bakat yang boleh diketengahkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bermula di peringkat akar umbi. Pada tahun ini, Kementerian saya melalui Pengurusan Sektor Sukan telah melaksanakan beberapa

Program Juara yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai peringkat umur dan daerah. Antaranya adalah seperti Program ***Functional Fitness Throwdown, Sabah Muay Thai Expo 2023*** dan Program Meta Esport Piala Kementerian Belia dan Sukan Sabah dan banyak lagi yang bakal dilaksanakan.

Program KBSS Turun Padang

Program inisiatif Kementerian dalam menjalankan dan melaksanakan **Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)** kepada masyarakat atau komuniti setempat. Program ini adalah komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat disamping mampu meningkatkan imej Kementerian. Antara agenda utama program ini adalah melaksanakan Pemberian Peralatan Sukan dan Program Komuniti Sosial. Medium Kementerian untuk mengenalpasti keperluan fasiliti sukan dan buah fikiran masyarakat khususnya para belia di peringkat akar umbi di seluruh daerah di negeri Sabah.

Datuk Speaker,

Disamping itu, Jabatan Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah juga telah melaksanakan pelbagai program ke arah pembangunan sukan khususnya di kawasan luar bandar. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Program AKTIF atau Sukan Luar Bandar

Program ini melibatkan penglibatan dari masyarakat di luar bandar. Satu inisiatif Kementerian bagi memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk turut serta dalam aktiviti sukan. Antara aktiviti sukan yang dijalankan pertandingan bola sepak, pertandingan sepak takraw dan lain-lain. Program ini telah dilaksanakan di Kg. Biah Skim, Keningau pada 2019, Kg. Lingkabau, Beluran pada tahun 2022 dan Kg. Meligan, Sipitang pada tahun ini.

Liga Sukan Komuniti

Program ini dilaksanakan setiap tahun yang meliputi semua kawasan iaitu di Bahagian Pantai Barat, Bahagian Tawau, Bahagian Sandakan, Bahagian Kudat, Bahagian Pedalaman Bawah dan Pedalaman Atas. Acara sukan yang dipertandingkan adalah seperti Futsal, Bola Keranjang, Sepak Takraw dan Bola Jaring. Acara sukan ini dipertandingkan di peringkat Bahagian, Negeri dan Kebangsaan. Program seperti ini dapat mencungkil bakat baru dalam kalangan penggiat sukan tempatan sekali gus dapat memartabatkan persatuan-persatuan sukan.

Sekian. Terima kasih